

01 FEB 2003

CALON "BIDAN TERJUN" SUKAR DITERIMA PENGUNDI, KATA KOH

PULAU PINANG, 1 Feb (Bernama) -- Calon "bidan terjun" yang bertanding di sesuatu kawasan pilihan raya memang sukar untuk diterima oleh masyarakat kerana mereka tidak dapat menilai rekod perkhidmatan calon berkenaan, kata Ketua Menteri Tan Sri Dr Koh Tsu Koon.

Beliau berkata, ini kerana masyarakat masa kini lebih mementingkan rekod perkhidmatan seseorang pemimpin itu sebelum mereka dapat menerima calon berkenaan.

"Walaupun calon itu berasal dari negeri atau daerah yang sama, sekiranya rekod perkhidmatannya tidak ada, maka ia sukar untuk diterima masyarakat," katanya kepada pemberita pada rumah terbuka Tahun Baru Cina beliau di Fort Cornwallis di sini, hari ini.

Beliau berkata demikian sebagai mengulas kenyataan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bahawa kini agak sukar untuk meletakkan calon bukan anak tempatan di sesuatu kawasan pilihan raya kerana sikap kenegerian atau kedaerahan yang tebal.

Koh, yang juga Pengerusi Barisan Nasional (BN) negeri berkata beliau bersetuju dengan pendapat Perdana Menteri kerana sekiranya seseorang calon itu bukan berasal dari daerah atau negeri yang sama, ia agak sukar untuk diterima masyarakat kerana masyarakat tidak mengenali calon berkenaan.

Bagaimanapun, beliau berkata, sekiranya calon itu berasal dari negeri lain tetapi telah lama berkhidmat di sesebuah negeri itu, beliau akan mudah diterima masyarakat kerana calon itu sudah mempunyai rekod perkhidmatan.

"Sebagai contohnya, Setiausaha Politik saya yang juga Anggota Dewan Undangan Negeri Padang Kota, Teng Chang Yeow yang berasal dari Johor. Beliau bertanding buat kali pertama dan berjaya menewaskan Karpal Singh pada tahun 1995. Ini disebabkan beliau telah berkhidmat di sini lebih 10 tahun dan telah diterima oleh masyarakat di sini," jelas beliau.

-- BERNAMA

SA PR